

30/01/1997

Anwar bincang gejala sosial

Meor Hisham Zulkifli

KUALA LUMPUR, Rabu - Jawatankuasa Kabinet Mengenai Gejala Sosial akan mengadakan pertemuan dengan majlis agama Islam negeri bagi membincangkan gerakan bersepadu mengatasi gejala sosial di kalangan remaja.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, berkata isu sosial di kalangan belia kini paling serius dan perlu ditangani segera dengan pembabitan semua pihak.

"Buat permulaan, pegawai agama dari Melaka, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan dan Selangor dipanggil menghadiri perjumpaan khas dengan Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Mengenai Gejala Sosial, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Rabu depan," katanya di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan sumbangan Aidilfitri kepada lebih 520 pesakit di Hospital Kuala Lumpur (HKL).

Semua sumbangan itu daripada peruntukan Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

Isnin lalu, mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Gejala Sosial memutuskan untuk merombak kurikulum dan pendekatan pendidikan agama untuk meningkatkan ketahanan generasi muda bagi menangani budaya negatif.

Ahad lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan kerajaan negeri bertindak tegas terhadap pusat hiburan yang gagal mematuhi syarat operasi supaya tidak terus menjadi pusat perkembangan gejala liar.

Arahan itu disampaikan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob.

Dr Abdul Hamid yang juga Pengerusi MAIWP berkata, kerajaan akan mengerakkan seluruh agensi dan menggunakan semua saluran agama untuk memberi kesedaran mengenai budaya negatif kepada semua pihak termasuk ibu bapa.

"Contohnya, khutbah Jumaat akan menekankan perkara itu manakala taklimat khas oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat diadakan untuk memberi penerangan dan kesedaran kepada belia.

"Arahan Perdana Menteri supaya semua menteri besar dan ketua menteri mengambil tindakan tegas terhadap pusat hiburan yang melanggar syarat operasi adalah langkah yang baik," katanya.

Menurutnya, langkah mengetatkan undang-undang terhadap pusat hiburan bukan perkara baru kerana ia diperuntukkan dalam undang-undang pihak berkuasa tempatan (PBT).

(END)